



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN INTEGRITY PACT
DALAM PEROLEHAN *TH*
(VERSI 2)
(Berkuat Kuasa Mulai 22 Julai 2024)**

BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

MATRIK DOKUMEN RUJUKAN

Tajuk Dokumen	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN TH	
Nombor Dokumen	Surat Pekeliling Tabung Haji Bil. 4/2024	
Versi	2.0	
Kesesuaian/ Keterpakaian	Ahli Lembaga / Pengurusan/ Anggota TH / Pembida/ Perunding	
Pemilik Pentadbir Pengarang Dokumen	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus	
Dasar/ Polisi Dalam Berkaitan	Polisi <i>Anti-Bribery TH</i>	
Kuasa Melulus dan Tarikh	i. Lembaga TH (Diluluskan)	22 Julai 2024
	ii. Jawatankuasa Lembaga Audit dan Governans TH (Disahkan)	13 Mei 2024
	iii. Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Governans TH (Disahkan)	10 Mei 2024
Dasar/Polisi Versi Terdahulu dan Tarikh Penerbitan	Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan TH yang telah diluluskan oleh Lembaga pada 18 Februari 2014.	
Jadual Kajian Semula Dokumen	Tertakluk kepada keperluan	

KAWALAN KELUARAN DOKUMEN

Tarikh Penguatkuasaan	Butiran	Seksyen Klausu
18 Februari 2014	Versi Pertama	Dokumen Dimansuhkan
22 Julai 2024	Versi Kedua	Dokumen Lengkap

PERAKUAN DOKUMEN:

- i. Bahagian Integriti dan Tadbir Urus **TH** pada tarikh penerbitan seperti yang dinyatakan bertanggungjawab untuk menyemak semula Dasar ini selaras dengan keperluan semakan semula keselamatan dokumen terperingkat.
- ii. Dasar ini diklasifikasikan sebagai dokumen TERHAD berdasarkan Garis Panduan Keselamatan Dokumen **TH** 2016.

LATAR BELAKANG DOKUMEN

Pemilik Dokumen	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus
Diluluskan Oleh Tarikh	Mesyuarat Lembaga Bil. 6/2024 (440) 22 Julai 2024
Pengesahan Oleh Tarikh	Jawatankuasa Lembaga Audit dan Governans TH Bil. 5/2024 (13) 13 Mei 2024
Pengesahan Oleh Tarikh	Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Governans TH Bil. 3/2024 10 Mei 2024
Keluaran	2.0
Tarikh Berkuatkuasa	22 Julai 2024

Tarikh	Keluaran	Rujukan Pindaan
22 Julai 2024	2.0	Garis Panduam Pelaksanaan Integrity Pact dalam Perolehan TH yang diluluskan oleh Lembaga pada 22 Julai 2024.

GLOSARI

Akronim	Butiran
TH	Lembaga Tabung Haji
Lembaga	Ahli Lembaga
AGC	Jawatankuasa Lembaga Audit dan Governans TH
MAGC	Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Governans TH
PUK/KPE	Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH

ISI KANDUNGAN

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI

1. Pendahuluan.....	i
2. Integriti Dalam Perolehan <i>TH</i>	i
3. Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan <i>TH</i>	iv

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	: Garis Panduan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan Lembaga Tabung Haji (<i>TH</i>)
Lampiran 1	: Surat Akuan Oleh Anggota <i>TH</i> Yang Terlibat Dalam Perolehan
Lampiran 2	: Surat Akuan Perlantikan Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan
Lampiran 3	: Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan
Lampiran 4	: Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan
Lampiran 5	: Surat Akuan Pembida
Lampiran 6	: Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat
Lampiran 7	: Surat Akuan Pembida bagi Operasi <i>TH</i> di Luar Negara <i>Declaration Of Bidders for TH Operation Located Abroad/ Oversea</i>
Lampiran 8	: Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat bagi Operasi <i>TH</i> di Luar Negara <i>Declaration Of Successful Bidders for TH Operation Located Abroad/ Oversea</i>
Lampiran 9	: Surat Akuan Kepentingan Perunding
Lampiran 10	: Surat Akuan Perunding Yang Dilantik
Lampiran 11	: Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan <i>TH</i>
Lampiran 12	: Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar dengan Perolehan <i>TH</i>
Lampiran 13	: Laporan Tahunan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan <i>TH</i>
Lampiran 14	: Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan <i>TH</i>
Lampiran 15	: Surat Akuan Menarik Diri Berkaitan Perolehan <i>TH</i>
Lampiran B	: Penyalahgunaan Kuasa Melibatkan Konflik Kepentingan

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)

1. Pendahuluan

- 1.1 Polisi ini memberi panduan dalam melaksanakan *Integrity Pact* dalam perolehan Lembaga Tabung Haji (TH). Ia menjelaskan pelbagai peringkat dalam proses perolehan di mana *Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh TH dan pihak-pihak yang berkaitan.
- 1.2 Pelaksanaan *Integrity Pact* merupakan salah satu inisiatif utama TH untuk mewujudkan dan mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat TH dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampanan dalam perolehan TH yang dijangka akan mengurangkan dan membasmi gejala rasuah. Adalah diharapkan juga dengan usaha ini, TH boleh melaksanakan urusan perolehan dengan lebih cekap. Dalam menggubal polisi ini, peraturan, polisi dan prosedur berkaitan perolehan TH semasa telah diambil kira.

2. Integriti Dalam Perolehan TH

2.1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]

- (i) Anggota TH yang terlibat dengan perolehan TH dan orang awam adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Akta 694 ini digubal bertujuan untuk membudayakan integriti dan amalan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta orang awam tentang kepentingan memerangi rasuah disebabkan kesan buruknya kepada negara.
- (ii) TH perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu integriti dalam perolehan TH bagi mengelakkan sebarang pelanggaran kepada akta ini.
- (iii) Sebarang kesalahan jenayah seperti rasuah, penipuan dan pecah amanah yang melibatkan perolehan TH perlu diambil tindakan oleh TH untuk dibawa kepada pihak berkuasa dan tindakan mahkamah sivil jika berkaitan. Syarikat/firma/kontraktor atau mana-mana ahli Lembaga TH atau mana-mana anggota TH yang melakukan jenayah dan disabitkan oleh mahkamah akan disusuli dengan tindakan penalti (Syarikat/firma/kontraktor) selaras dengan Polisi berkaitan Perolehan TH, atau tindakan

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (*TH*)

yang bersesuaian dengan Akta Tabung Haji 1995 ("**Akta 535**") atau Peraturan-Peraturan Tata tertib Tabung Haji 2010.

2.2. Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]

- (i) Anggota ***TH*** terutama pegawai yang terlibat dengan perolehan ***TH*** adalah turut tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*]. Akta ini memperuntukkan mengenai perlindungan kepada rahsia rasmi yang juga termasuk maklumat perolehan yang hendaklah dijaga dengan cara berpatutan di mana ketidakpatuhannya boleh menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta.
- (ii) Anggota ***TH*** yang terlibat dengan urusan perolehan samaada secara langsung atau tidak langsung perlu menandatangani perakuan sebagai pematuhan kepada Akta 88.
- (iii) **Kerahsiaan Maklumat Perolehan**

a. Dokumen perolehan diklasifikasikan sebagai Sulit

Semua maklumat berkenaan sesuatu perolehan termasuk dokumen pelawaan, tawaran dan penilaian hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan perolehan sebelum keputusan muktamad dibuat.

b. Merahsiakan maklumat perolehan

Ketua Pejabat adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan suatu perolehan kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*]. Mana - mana Anggota ***TH*** yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu perolehan adalah dianggap telah melanggar peruntukan di bawah Akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap Anggota ***TH*** yang terlibat.

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (*TH*)

2.3. Akta Persaingan 2010 [Akta 712]

- (i) Syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan ***TH*** adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Akta ini digubal bagi menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bagi mencapai tujuan ini, Akta 712 melarang perlakuan anti-persaingan.
- (ii) Seksyen 4(2)(d) Akta 712 secara spesifik melarang perjanjian tipuan bida di antara perusahaan (pembida).
- (iii) ***TH*** perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu kartel/pakatan tipuan bida dalam perolehan ***TH*** dan melaporkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda yang menjurus kepada pakatan tipuan bida.

2.4. Tanggungjawab Mengisytiharkan Kepentingan Terletak Hak

(i) Semasa urusan memproses perolehan

Mana-mana Anggota ***TH*** yang terlibat dalam memproses sesuatu perolehan hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai perolehan itu. Mana-mana Anggota ***TH*** yang mempunyai kepentingan dalam apa-apacara pun dengan pembida hendaklah mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri secara bertulis daripada menguruskannya. (Surat Akuan Menarik Diri) - Lampiran 15.

(ii) Tanggungjawab Pihak Berkuasa Melulus

Mana-mana Pihak Berkuasa Melulus yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu perolehan itu hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan perolehan berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan (bagi jawatankuasa yang bermesyuarat). Anggota Pihak Berkuasa Melulus hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan serta bebas daripada pengaruh luar. Pihak Berkuasa Melulus adalah pihak/ jawatan kuasa yang dinyatakan dalam Polisi Kuasa ***TH***.

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)

2.5. Kesalahan Rasuah Dalam Perolehan TH

Selaras dengan usaha **TH** untuk mencegah dan membendung perlakuan berkaitan rasuah dalam perolehan **TH**, **TH** dikehendaki memperuntukkan klausa peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan **TH** di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.

2.6. Kesalahan Pakatan Harga/Kartel

Selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil. 2 Tahun 2021, **TH** dikehendaki memperuntukkan klausa berkaitan pengisytiharan *non-collusion* di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.

2.7. Pengendalian Surat Sokongan Dalam Perolehan TH

- (i) Dari semasa ke semasa, didapati Anggota **TH** yang terlibat dengan proses perolehan **TH** menerima banyak surat sokongan daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana individu berhubung urusan Kerajaan yang meletakkan mereka dalam keadaan serba salah dalam membuat pertimbangan dan keputusan berhubung perkara tersebut.
- (ii) Demi memastikan integriti dalam proses perolehan **TH** sentiasa terpelihara, **TH** hendaklah memastikan pematuhan terhadap “Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Lembaga Tabung Haji” seperti Lampiran 14 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan **TH** atau mana-mana peraturan mengenainya yang berkuatkuasa hendaklah dipatuhi oleh **TH** sepenuhnya.

3. Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan TH

- 3.1. Salah satu inisiatif bagi meningkatkan amalan integriti dalam proses perolehan **TH** adalah melalui pelaksanaan *Integrity Pact*. Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk memperkukuhkan usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan **TH** serta dalam masa yang sama mencegah ketirisan dalam perbelanjaan **TH** dan mengekang penyalahgunaan kuasa.

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (*TH*)

3.2. *Integrity Pact* merupakan proses pengisytiharan sendiri untuk tidak menawar atau memberi rasuah sebagai dorongan mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan *TH* atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. Anggota *TH* hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Syarikat dan pembida pula hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dan tipuan bida dalam urusan perolehan atau pelaksanaan sesuatu kontrak. Akuan atau perjanjian tersebut juga menggariskan tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran.

3.3. Semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan *TH* adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact* seperti berikut:

(i) Anggota *TH* yang Terlibat Dalam Proses Perolehan *TH*

- a. Setiap Anggota *TH* yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan *TH* hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Anggota *TH* Yang Terlibat Dalam Perolehan *TH*.
- b. Akuan ini hendaklah dibuat apabila Anggota *TH* melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Setiap Ketua Pejabat hendaklah memastikan semua Anggota *TH* memperbaharui akuan mereka setiap tahun.

(ii) **Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan (Bukan Pelulus)**

- a. Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa/Pasukan berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.
- b. Selain itu, setiap Ahli Jawatankuasa/Pasukan berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa/Pasukan yang dianggotainya setelah menamatkan setiap tugas.

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (*TH*)

(iii) Ahli Pihak Berkuasa Melulus

Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli/ Ahli Ganti Lembaga *TH* / Jawatankuasa Perolehan hendaklah **menandatangani Surat Akuan pelantikan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.**

(iv) Syarikat

Syarikat/ Kontraktor hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat (Lampiran 12) Yang Mendaftar Dengan Perolehan Lembaga Tabung Haji [Surat Akuan Syarikat] diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan semasa permohonan baharudan pembaharuan pendaftaran.

Syarikat yang diperbadankan di Arab Saudi dikecualikan mengisi Surat Akuan Syarikat dalam proses pendaftaran syarikat di Sistem Perolehan *TH* bagi urusan perolehan di Pejabat Konsul Haji (*TH* KSA).

(v) Pembida

- a. *TH* hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama dokumen pelawaan perolehan. Pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikepilkan bersama dokumen tawaran.
- b. *TH* hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat disertakan bersama Surat Setuju Terima (SST/ SURAT PERLANTIKAN). Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST/ SURAT PERLANTIKAN dan dikembalikan kepada *TH*. *TH* hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.
- c. *TH* juga hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat disertakan bersama SST/SURAT PERLANTIKAN bagi syarikat yang dilantik secara rundingan terus/Sumber Tunggal. Syarikat tersebut hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat diisi dengan lengkap, ditandatangani serta

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LEMBAGA TABUNG HAJI (*TH*)

dikepilkan bersama SST/ SURAT PERLANTIKAN dan dikembalikan kepada *TH*. *TH* hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

- 3.4. Laporan berkaitan pelaksanaan *Integrity Pact* hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan kepada Bahagian Integriti *TH* setiap akhir tahun.
- 3.5. Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan *TH* seperti di **Lampiran A** akan dapat membantu *TH* dalam memastikan semua perolehan *TH* dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelak berlakunya ketirisan, rasuah, tipuan bida serta penyalahgunaan kuasa.

4. Tarikh Kuat Kuasa

Peraturan ini berkuat kuasa mulai 22 Julai 2024 (Tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga No. 6/2024 (440)). Dengan berkuat kuasanya polisi ini, Surat Pekeliling Tabung Haji Bil.1 Tahun 2014 Polisi Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan *TH* bertarikh 25 Mac 2014 adalah DIBATALKAN.



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN INTEGRITY PACT
DALAM PEROLEHAN *TH***

**Keluaran
Bahagian Integriti dan Tadbir Urus
2024**

ISI KANDUNGAN

1.	Latar Belakang Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan TH	1
2.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Anggota TH Yang Terlibat Dalam Perolehan TH Lampiran 1 - Surat Akuan Oleh Anggota TH Yang Terlibat Dalam Perolehan	3
3.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Ahli Jawatankuasa/ Pasukan Berkaitan Perolehan Lampiran 2 - Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan Lampiran 3 - Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan	5
4.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan Lampiran 4 - Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan	8
5.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Pembida/ Penyebut Harga Lampiran 5 - Surat Akuan Pembida Lampiran 6 - Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat Lampiran 7 - Surat Akuan Pembida bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara <i>Declaration Of Bidders for TH Operation Located Abroad/ Oversea</i> Lampiran 8 - Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara <i>Declaration Of Successful Bidders for TH Operation Located Abroad/ Oversea</i>	10

6.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Pelantikan Perunding Lampiran 9 - Surat Akuan Kepentingan Perunding Lampiran 10 - Surat Akuan Perunding Dilantik	17
7.	Lampiran 11 - Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan TH	21
8.	Proses Kerja Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Bagi Syarikat Yang Mendaftar dengan Perolehan TH Lampiran 12 - Surat Akuan Oleh Syarikat Yang Mendaftar dengan Perolehan TH	22
9.	Pelaporan dan Pemantauan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> oleh TH Lampiran 13 - Laporan Tahunan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan TH	25
10.	Lampiran 14 - Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan TH	27
11.	Lampiran 15 – Surat Akuan Menarik Diri Berkaitan Perolehan TH	31
12.	Lampiran B - Penyalahgunaan Kuasa Melibatkan Konflik Kepentingan	32

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN *TH*

1. Salah satu inisiatif bagi meningkatkan integriti dalam proses perolehan *TH* adalah melalui penggunaan *Integrity Pact*. Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) serta mencegah amalan rasuah, amalan tipuan bida dan ketirisan dalam perbelanjaan *TH* serta mengekang penyalahgunaan kuasa.
2. *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan sendiri oleh syarikat/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan *TH* atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. Anggota *TH* hendaklah menandatangani satu akuan atau pengisytiharan untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan suatu kontrak perolehan *TH*. Syarikat pula hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dan tipuan bida dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Tindakan boleh diambil atas ketidakpatuhan kepada akuan atau pengisytiharan tersebut.
3. Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan *TH* adalah seperti yang berikut:
 - (i) mengelakkan Anggota *TH* yang menguruskan proses perolehan menerima rasuah;
 - (ii) mengelakkan syarikat/pembida daripada menawar atau memberi rasuah dan/atau terlibat dengan tipuan bida;
 - (iii) menghendaki syarikat/pembida melaporkan sebarang kesalahan rasuah dan/atau tipuan bida kepada Pihak Berkuasa; dan
 - (iv) memastikan *TH* tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.
4. Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah dan tipuan bida dalam kalangan Anggota *TH* dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan *TH*. Langkah ini diharap dapat menghapuskan kesalahan rasuah dan tipuan bida yang berlaku dalam perolehan *TH*, antara lain seperti yang berikut:
 - (i) pemberian dan penerimaan suapan (*kickback/bribery*) antara Anggota *TH* dengan syarikat dalam pelbagai bentuk seperti wang,

hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];

- (ii) penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan Anggota **TH** berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana Anggota **TH** mempunyai kepentingan;
 - (iii) tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan Anggota **TH**;
 - (iv) pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan;
 - (v) perbuatan subahat antara Anggota **TH** dan syarikat; dan
 - (vi) Perjanjian Anti Persaingan yang membentuk tipuan bida merangkumi bidaan terselindung, bidaan yang menindas, bidaan secara giliran, bidaan tidak mematuhi, pembahagian pasaran dan perjanjian subkontrak sebagai balasan kepada persetujuan untuk menjadi ahli pakatan dan sebagainya.
5. **TH** dikehendaki memperuntukkan Klausa berhubung kesalahan rasuah dan tipuan bida dalam Dokumen Tender, Surat Setuju Terima dan Dokumen Kontrak.
6. Garis Panduan ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana konsep *Integrity Pact* ini dilaksanakan di pelbagai peringkat proses perolehan **TH** termasuk penyediaan laporan bagi tujuan pemantauan. **TH** juga menerapkan elemen *Integrity Pact* dalam proses pendaftaran syarikat dengan mewajibkan pengisytiharan oleh syarikat berkaitan kesalahan rasuah dan tipuan bida. Manakala pelaksanaan *Integrity Pact* dalam proses perolehan yang lain seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan ini hendaklah dilaksanakan oleh **TH**.

1. PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI ANGGOTA *TH* YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN *TH*

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa Lapor Diri	Setiap Anggota <i>TH</i> yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan <i>TH</i> hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Anggota <i>TH</i> Yang Terlibat Dalam Perolehan <i>TH</i> seperti di LAMPIRAN 1. Akuan ini hendaklah dibuat apabila Anggota <i>TH</i> melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam fail peribadi Anggota <i>TH</i>. Setiap Ketua Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan hendaklah memastikan semua Anggota <i>TH</i> dan kakitangannya menandatangani Surat Akuan Oleh Anggota <i>TH</i> Yang Terlibat Dalam Perolehan <i>TH</i> sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.
b. Sekali Setiap Tahun	Setiap Ketua Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan hendaklah memastikan semua Anggota <i>TH</i> Yang Terlibat Dalam Perolehan <i>TH</i> , memperbaharui akuan mereka setiap tahun.

*Anggota merujuk kepada Anggota *TH* yang terlibat dalam proses perolehan *TH* di Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan berikut:

- (i) Bahagian Perolehan;
- (ii) Jabatan Hartanah;
- (iii) Jabatan Kewangan;
- (iv) Jabatan Pelaburan;
- (v) Jabatan Teknologi Maklumat;
- (vi) Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Perolehan;
- (vii) Mana-mana Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan yang terlibat dalam perolehan.

SURAT AKUAN OLEH ANGGOTA TH YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya, No.Kad Pengenalan
 adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan **TH**;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.

Nama	:		Disaksikan oleh**	:	
No.KP	:		No.KP	:	
Tandatangan	:		Tandatangan	:	
Jawatan	:		Jawatan	:	
Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan	:		Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan	:	
Tarikh	:		Tarikh	:	

Catatan:

- (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574)
- (ii) ** disaksikan oleh Ketua Jabatan / Pejabat Cawangan

2. PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI AHLI JAWATANKUASA/PASUKAN BERKAITAN PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa pelantikan sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa / Pasukan Berkaitan Perolehan	Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Pengerusi/Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan seperti di LAMPIRAN 2 . Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan.
b. Apabila selesai sesuatu tugas	Setiap Pengerusi/Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan setelah menamatkan setiap tugas seperti di LAMPIRAN 3 . Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan.

Jawatankuasa/Pasukan berkaitan Perolehan adalah seperti yang berikut:

- (i) Jawatankuasa/Pasukan Spesifikasi (jika berkaitan);
- (ii) Jawatankuasa/Pasukan Pembuka Tender/Sebut Harga (jika berkaitan);
- (iii) Jawatankuasa/Pasukan Penilaian ;
- (iv) Jawatankuasa/Pasukan Rundingan Harga; dan
- (v) Lain-lain Jawatankuasa/Pasukan berkaitan perolehan.

**SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA/
PASUKAN BERKAITAN PEROLEHAN**

Saya, No.Kad Pengenalan
adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana- mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tender / sebut harga (..... **Tajuk dan no. rujukan tender / sebut harga**.....);
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dankeadilan semasa perolehan;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- v. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii, iii dan iv dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana- mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010.

Nama :
 No.KP :
 Tandatangan :
 Jawatan :
 Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan :
 Tarikh :

Catatan :-

- | | |
|---|---|
| (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574). | (ii) Jawatankuasa/Pasukan berkaitan Perolehan adalah seperti yang berikut:
<ol style="list-style-type: none"> 1. Jawatankuasa/Pasukan Spesifikasi (jika berkaitan); 2. Jawatankuasa/Pasukan Pembuka Tender/Sebut Harga (jika berkaitan); 3. Jawatankuasa/Pasukan Penilaian - Teknikal dan/atau Komersial; 4. Jawatankuasa/Pasukan Rundingan Harga; dan 5. Lain-lain Jawatankuasa/Pasukan berkaitan perolehan. |
|---|---|

SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA/ PASUKAN BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, No.Kad Pengenalan
dari (Jabatan/Bahagian/Pejabat Cawangan)
adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai Ahli (Nama Jawatankuasa/Pasukan) ,
..... (Tajuk dan no. rujukan tender / sebut harga)
tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi
oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau suapan seperti
ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta boleh dihukum di bawah
undang-undang masing-masing mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan
perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i dan ii dalam surat akuan ini
boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta boleh dihukum di bawah undang-
undang masing-masing;
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana
pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- v. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini,
saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010

Nama :
No.KP :
Tandatangan :
Jawatan :
Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan :
Tarikh :

Catatan :-

- (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).
- (ii) Jawatankuasa/Pasukan berkaitan Perolehan adalah seperti yang berikut:
 1. Jawatankuasa/Pasukan Spesifikasi (jika berkaitan);
 2. Jawatankuasa/Pasukan Pembuka Tender/Sebut Harga (jika berkaitan);
 3. Jawatankuasa/Pasukan Penilaian - Teknikal dan/atau Komersial;
 4. Jawatankuasa/Pasukan Rundingan Harga; dan
 5. Lain-lain Jawatankuasa/Pasukan berkaitan perolehan.

3. PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI AHLI LEMBAGA/ JAWATANKUASA PEROLEHAN

PERINGKAT	PROSES KERJA
Semasa Pelantikan Sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan	Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli Lembaga TH / Ahli Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan seperti di LAMPIRAN 4 semasa pelantikan sebagai ahli bagi posisi tersebut . Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Perolehan.

Lembaga **TH** / Ahli Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- (i) Lembaga **TH** ;
- (ii) Panel Pelaburan;
- (iii) Lembaga Tender;
- (iv) Jawatankuasa Tender;
- (v) Jawatankuasa Sebut Harga;
- (vi) Lain-lain Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menimbang dan meluluskan perolehan/ lain-lain berkaitan .

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Melulus

Mana-mana Pihak Berkuasa Melulus yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu perolehan itu hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan perolehan berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan / didokumenkan.

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA / JAWATANKUASA PEROLEHAN

Saya, No.Kad Pengenalan
 adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Ahli (Nama Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan) ;
- ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- v. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan **TH** kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Akuan ini berkuatkuasa dan mengikat saya dari tarikh pelantikan saya sebagai ahli Lembaga **TH** /ahli Jawatankuasa Perolehan dan sepanjang tempoh keanggotaan saya.
- viii. Bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan yang bersesuaian dengan Akta Tabung Haji 1995 ("Akta 535") atau Peraturan-Peraturan Tata tertib Tabung Haji 2010 (jika berkenaan).

Nama :
 No.KP :
 Tandatangan :
 Jawatan :
 Tarikh :

Catatan :-

(i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksan (Akta 574).

(ii) Lembaga **TH**/ ahli Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:
 1. Lembaga **TH**;
 2. Panel Pelaburan;
 3. Lembaga Tender;
 4. Jawatankuasa Tender
 5. Jawatankuasa Sebut Harga
 6. Lain-lain Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menimbang dan memuktamadkan perolehan

4. PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEMBIDA/ PENYEBUTHARGA

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa pembelian/ pengambilan dokumen tender/sebut harga	TH hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama dokumen tender/sebut harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida seperti di LAMPIRAN 5 .
b. Semasa penyerahan dokumen tender/sebut harga oleh pembida	Apabila menghantar dokumen tender/sebut harga setiap pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama dokumen tender/sebut harga.
c. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembida berjaya	Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, TH hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di LAMPIRAN 6* .
d. Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya	Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada TH .
e. Semasa pembelian/ pengambilan dokumen tender/sebut harga bagi operasi TH yang berada diluar negara	TH hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara disertakan bersama dokumen tender/sebut harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara seperti di LAMPIRAN 7 .
f. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembida berjaya bagi operasi TH yang berada diluar negara.	Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, TH hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya bagi Operasi TH yang Berada Di Luar Negara seperti di LAMPIRAN 8 .
g. Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Agensi	TH hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN 11 dimasukkan dalam semua dokumen kontrak.

Pembida merujuk kepada:

- (i) Petender;
- (ii) Penyebut Harga.

* Lampiran 6 juga hendaklah diisi dan dilengkapkan oleh syarikat yang dilantik secara rundingan terus.

SURAT AKUAN PEMBIDA

(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan)

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No.Kad Pengenalan
Yang mewakili (Nama Syarikat) Nombor pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
.....
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
 - ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.
2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan **TH** yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa:
- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
 - 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan **TH**

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA / SYARIKAT(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan)
.....

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No.Kad Pengenalan
Yang mewakili (Nama Syarikat) Nombor pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
.....
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Lembaga Tabung Haji yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabiladisabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilaisuapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun ataukedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
 Nama :
 No. KP :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Lembaga Tabung Haji.

**DECLARATION OF BIDDERS
FOR TH OPERATION LOCATED ABROAD/OVERSEA**

(.....Title And Quotation Title and Reference Number.....)

I,(Name Company of the Representative) NRIC Number.....
 representing(Name of Company)..... with Company
 Registration Number hereby declare that I
 or any person representing this company:

- i) shall not offer or give a gratification to any person in [Lembaga Tabung Haji /
 Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)]..... or any other person as inducement
 or reward to be selected for the above stated tender / quotation*.
- ii) shall not commit or engage in fraud bidding in any procurement process.

Enclosed herewith is the Letter of Authorization authorizing me to act on behalf of the company
 as stated above in making this declaration.

2. If the event that myself or any person representing or acting on behalf of this company is
 found guilty of offering or giving gratification to any person in[Lembaga Tabung Haji /
 Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)]..... or any other person as inducement
 or reward in procuring the award for the above stated tender/quotation *, I as the
 representative of this company, agree that the following actions shall be made by
 [Lembaga Tabung Haji / Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)].....:

2.1 disqualification to be evaluated and appointed for the tender/quotation* above; and

2.2 disciplinary actions in accordance with Lembaga Tabung Haji / Consulate General of
 Malaysia (Pilgrims Affairs) regulations.

3. Should there be any person soliciting for gratification from me or any person related to this
 company as inducement or reward to be selected for the above stated tender/quotation*,
 I shall immediately report the said action to the nearest Malaysian Anti-Corruption
 Commission (MACC) / any applicable Anti-Corruption Agency office or police station. I
 am aware that my failure to do so is an offense and can be prosecuted under applicable
 law.

Yours sincerely,

Signature :
 Name :
 NRIC No. :
 Date :
 Company Stamp :

Note: i) * Delete whichever is not applicable.

ii) This declaration must be submitted together with the Letter of Representation

**DECLARATION OF SUCCESSFUL BIDDERS
FOR TH OPERATION LOCATED ABROAD/OVERSEA)
(.....Title And Quotation Title and Reference Number)**

I,(Name Company of the Representative) NRIC Number.....
 representing(Name of Company)..... with Company
 Registration Number hereby declare that I or
 any person representing this company:

- i) shall not offer or give a gratification to any person in [Lembaga Tabung Haji / Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)]..... or any other person as inducement or reward in procuring the award for the above stated tender / quotation*.
- ii) shall not commit or engage in fraud bidding in any procurement process. Enclosed herewith is the Letter of Authorization authorizing me to act on behalf of the company as stated above in making this declaration.

2. In the event that myself or any person representing or acting on behalf of this company is found guilty of offering or giving gratification to any person in[Lembaga Tabung Haji / Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)]..... or any other person as inducement or reward in procuring the award for the above stated tender/quotaion *, I as the representative of this company, agree that the following actions shall be made by [Lembaga Tabung Haji / Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs)].....:

- 2.1 revocation of the offer for the award of the above tender / quotation*; or
- 2.2 termination of contract for the award of the above tender / quotation* ; and
- 2.3 disciplinary actions in accordance with Lembaga Tabung Haji / Consulate General of Malaysia (Pilgrims Affairs) regulations.

3. Should there be any person soliciting for gratification from me or any person related to this company as inducement or reward in procuring the award for the above stated tender/quotation*, I shall immediately report the said action to the nearest Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) / any applicable Anti-Corruption Agency office or police station. I am aware that my failure to do so is an offense and can be prosecuted under applicable law

Yours sincerely,

Signature :
 Name :
 NRIC No. :
 Date :
 Company Stamp :

Note: i) * Delete whichever is not applicable.

ii) This certificate must be submitted together with the Letter of Representation

5. PROSES KERJA PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PELANTIKAN PERUNDING

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Semasa Surat Niat dikeluarkan (sekiranya ada)	TH hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding disertakan bersama Surat Niat diserahkan kepada Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding seperti di LAMPIRAN 9 .
b. Sebelum rundingan dilaksanakan (sekiranya ada)	TH hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada TH berkaitan sebelum apa-apa rundingan dimulakan.
c. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada perunding yang dilantik	TH hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. Sesalinan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di LAMPIRAN 10 .
d. Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh perunding	Perunding hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada TH
e. Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Agensi	Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausula Pencegahan Rasuah seperti di LAMPIRAN 11 .

SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING
(Disertakan Bersama Cadangan Perunding)

Saya,(NamaPemilik)..... No. Kad Pengenalan/No. Pasport.....selaku pemilik(Nama Firma)..... dengan nombor Pendaftaran(MOF/ROS/ROC/ROB)..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan atau menggunakan pengaruh kepada mana-mana individu dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain, sebagai dorongan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini mematuhi perkara 1 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.
4. Saya sesungguhnya faham bahawa firma melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan firma** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

Tandatangan :
 Nama :
 No.KP :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ** seseorang yang bersekutu dengan firma merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat niat.

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK

(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya,(Nama Pemilik)..... No. Kad Pengenalan/No. Pasport..... selaku pemilik(Nama Firma)..... dengan nombor Pendaftaran(MOF/ROS/ROC/ROB)..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain sebagai dorongan bagi mendapatkan tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini. Bersama ini dilampirkan Surat Setuju Terima untuk pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:
 - 2.1 Penarikan balik Surat Setuju Terima; atau
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi perkhidmatan perunding selaras dengan peruntukan dalam kontrak; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang / tatatertib mengikut undang-undang / peraturan perolehan Lembaga Tabung Haji yang berkuat-kuasa.
3. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balaipolis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.
4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili firma ini didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa firma melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan firma** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

Tandatangan	:	
Nama	:	
No.KP	:	
Tarikh	:	
Cop Syarikat	:	

Catatan:

- (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).
- (ii) ** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Setuju Terima (SST/ SURAT PERLANTIKAN/ SURAT PERLANTIKAN).
- (iv) Surat akuan hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN TH**Versi Bahasa Kebangsaan****“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG”**

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Lembaga Tabung Haji, sekiranya [Syarikat/Firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Firma] dengan Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Haji hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Firma] untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.
- b) Lembaga Tabung Haji berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Firma] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.”.

Versi Bahasa Inggeris**“TERMINATION ON CORRUPTION, UNLAWFUL OR ILLEGAL ACTIVITIES**

- a) *Without prejudice to any other rights of the Lembaga Tabung Haji, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Lembaga Tabung Haji, the Lembaga Tabung Haji shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].*
- b) *Upon such termination, the Lembaga Tabung Haji shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Lembaga Tabung Haji arising from such termination.*
- c) *For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].”.*

6. PROSES PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI SYARIKAT YANG MENDAFTAR DENGAN PEROLEHAN *TH*

PERINGKAT	PROSES KERJA
Semasa memohon untuk mendaftar/memperbaharui pendaftaran dengan Sistem Perolehan TH	Syarikat hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Syarikat dikemukakan semasa permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran dikemukakan kepada Lembaga Tabung Haji. Sesalinan Surat Akuan Syarikat seperti di LAMPIRAN 12. Syarikat yang diperbadankan di Arab Saudi dikecualikan mengisi Surat Akuan Syarikat dalam proses pendaftaran syarikat di Sistem Perolehan TH bagi urusan perolehan di Pejabat Konsul Haji (TH KSA).

Syarikat merujuk kepada Syarikat/ Kontraktor/ Perunding/ Koperasi/ Organisasi yang memohon untuk berdaftar dalam Sistem Perolehan **TH**.

SURAT AKUAN OLEH SYARIKAT YANG MENDAFTAR DENGAN PEROLEHAN TH

Saya,(Nama Pemilik/Pengarah Syarikat)..... Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pasport yang mewakili(Nama Syarikat)..... nombor pendaftaran(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini :

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Lembaga Tabung Haji atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Jika apa-apa prosiding jenayah dan/atau pelanggaran perkara (i) atau (ii) dalam suratakuan ini telah dimulakan terhadap saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini dalam mana-mana mahkamah, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju mana-mana satu atau kedua-dua tindakan berikut diambil :
 - 2.1 Sekatan atau penggantungan daripada memasuki apa-apa perolehan; dan/atau
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Lembaga Tabung Haji yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa-
 - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam suratakuan ini; atau
 - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam suratakuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3, takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, perkongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Lembaga Tabung Haji.

7. PELAPORAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* OLEH *TH*

PERINGKAT	PROSES KERJA
a. Penyediaan laporan	<i>TH</i> hendaklah memastikan Laporan Tahunan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan <i>TH</i> disediakan berdasarkan format seperti di Lampiran 13 .
b. Penghantaran laporan	Laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Integriti <i>TH</i> .

LAPORAN TAHUNAN PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN TH

 JABATAN/ BAHAGIAN/ PEJABAT CAWANGAN :
 TAHUN :

A) BILANGAN SURAT AKUAN *INTEGRITY PACT* YANG DITANDATANGANI MENGIKUTKATEGORI

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Surat Akuan Oleh Anggota TH Yang Terlibat Dalam Perolehan (Lampiran 1)	
2.	Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan (Lampiran 2)	
3.	Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa/Pasukan Berkaitan Perolehan (Lampiran 3)	
4.	Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan (Lampiran 4)	
5.	Surat Akuan Pembida (Lampiran 5)	
6.	Surat Akuan Pembida Berjaya/Syarikat(Lampiran 6)	
7.	Surat Akuan Kepentingan Perunding (Lampiran 9)	
8.	Surat Akuan Perunding Yang Dilantik(Lampiran 10)	

B) SENARAI SST/ SURAT PERLANTIKAN/ KONTRAK TANPA *INTEGRITY PACT*

BIL	NAMA PEROLEHAN	JUSTIFIKASI KETIADAAN <i>INTEGRITY PACT</i>
1.		
2.		
3.		

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

(Nama, Jawatan Pegawai & Cop)

No. Telefon:

Emel:

Tarikh:

(Nama, Jawatan Pegawai & Cop)

No. Telefon:

Emel:

Tarikh:

Catatan:

- (i) Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Integriti **TH** pada setiap akhir tahun.
- (ii) Bagi SST/ SURAT PERLANTIKAN/Kontrak tanpa *Integrity Pact*, Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan dikehendaki menyenaraikan nama perolehan dan justifikasi ketiadaan *Integrity Pact* seperti di Jadual B.

**GARIS PANDUAN TINDAKAN KE ATAS SOKONGAN
YANG DITERIMA DARIPADA PEMIMPIN KERAJAAN,
INDIVIDU BERPENGARUH ATAU MANA-MANA
ORANG MENGENAI SESUATU URUSAN LEMBAGA
TABUNG HAJI**

(Berkuat Kuasa Mulai 22 Julai 2024)

BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Governans **TH** Bil. 05/2024 (3)
bertarikh 13 Mei 2024

Kelulusan Mesyuarat Lembaga **TH** Bil. 6/2024 (440) bertarikh 22 Julai 2024.

GARIS PANDUAN TINDAKAN KE ATAS SOKONGAN YANG DITERIMA DARIPADA PEMIMPIN KERAJAAN, INDIVIDU BERPENGARUH ATAU MANA-MANA ORANG MENGENAI SESUATU URUSAN LEMBAGA TABUNG HAJI

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan menerangkan kepada Anggota **TH** mengenai tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan **TH**.

LATARBELAKANG

2. Dari semasa ke semasa Anggota **TH** menerima banyak sokongan daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang berhubung urusan **TH** dan ini meletakkan mereka dalam keadaan serba salah ketika membuat pertimbangan dan keputusan berhubung perkara tersebut. Sehubungan itu, Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengeluarkan garis panduan ini untuk diguna pakai oleh Anggota **TH** dalam mengambil tindakan ke atas sesuatu perkara yang disokong oleh pihak tertentu.

TAFSIRAN

3. Bagi maksud garis panduan ini, sokongan, pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, Anggota **TH** dan urusan **TH** bermaksud seperti berikut :

- (a) **“Sokongan”** bermaksud sebarang komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan. Ini termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS), percakapan mulut, panggilan telefon dan sebagainya yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan;
- (b) **“Pemimpin Kerajaan”** bermaksud Anggota Pentadbiran di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri;
- (c) **“Individu Berpengaruh”** bermaksud individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan lain-lain.
- (d) **“Anggota TH”** bermaksud mana-mana Anggota **TH** sama ada di lantik secara tetap, kontrak atau sementara; dan

- (e) “**Urusan TH**” bermaksud semua urusan **TH** seperti perolehan, pelaburan, permohonan kelulusan pelesenan (Pengelola Jemaah Haji), penyewaan, pengurusan sumber manusia, kuota haji, biasiswa dan sebagainya.

PANDUAN TINDAKAN KE ATAS SOKONGAN

4. Bagi memudahkan Anggota **TH** mengambil tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang, panduan berikut hendaklah dipatuhi:

- 4.1 Sokongan yang diterima secara bertulis hendaklah difailkan dalam fail yang berkaitan. Sekiranya sokongan diberi secara lisan, Anggota **TH** hendaklah mencatatkan komunikasi tersebut secara bertulis dalam helaian minit fail yang berkaitan beserta butir-butir pihak yang memberi sokongan, tarikh dan bentuk sokongan yang diterima; Contoh-contoh komunikasi/perakuan sokongan adalah seperti berikut :

“sila timbangkan”

“disokong dengan kuat”

“saya tiada halangan”

“diluluskan dan sebagainya”.

Sokongan diterima dalam 3 peringkat iaitu :

- (i) Peringkat permohonan
 - (ii) Peringkat kelulusan permohonan
 - (iii) Peringkat rayuan semula permohonan
- 4.2 Anggota **TH** hendaklah sentiasa bertindak berdasarkan peruntukan undang-undang, peraturan dan tatacara urusan **TH** yang sedang berkuat kuasa. Perakuan-perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu keputusan **TH**.
- 4.3 Anggota **TH** yang menerima sokongan tersebut hendaklah melaporkan secara bertulis dalam borang aduan kepada Ketua Pegawai Integriti, Bahagian Integriti **TH**.
- 4.4 Ketua Pegawai Integriti, Bahagian Integriti **TH** hendaklah mengeluarkan Surat Peringatan kepada pihak yang mengeluarkan arahan. Berdasarkan Dasar bagi Pendedahan Maklumat Tentang Salah Laku di Tempat Kerja (*‘Whistleblowing Policy’*) **TH**, Perlindungan peringkat pertama akan diberikan kepada Anggota **TH** yang membuat pelaporan perakuan sokongan daripada tindakan yang memudaratkan atau tindakan balas oleh mana-mana pihak dalam **TH** seperti melaksanakan tindakan tatatertib atau penamatan kerja atau perkhidmatan dengan **TH** atau ancaman untuk

mengambil mana-mana tindakan yang bertujuan memudaratkan pemberi maklumat.

- 4.5 Sekiranya Anggota **TH** ditukarkan/ dipaksa/ dipengaruhi untuk bertindak diluar peruntukan undang-undang, peraturan dan tatacara urusan **TH**, Anggota **TH** hendaklah melaporkan semula kepada Bahagian Integriti atau terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SURAT AKUAN MENARIK DIRI BERKAITAN PEROLEHAN TH

Saya, No.Kad Pengenalan
adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya mempunyai kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak dalam syarikat(Nama Syarikat) yang menyertai dalam tender/ sebut harga (.....Tajuk tender / sebut harga.....);
- ii. Sehubungan itu, saya menarik diri untuk terlibat dalam sebarang proses perolehan tersebut.

Sekian untuk makluman, terima kasih.

Nama	:	
No.KP	:	
Tandatangan	:	
Jawatan	:	
Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan	:	
Tarikh	:	

PENYALAHGUNAAN KUASA MELIBATKAN KONFLIK KEPENTINGAN

1. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa:

Tafsiran:**“Badan awam”, termasuklah:**

- (a) Kerajaan Malaysia;
 - (b) Kerajaan sesuatu Negeri;
 - (c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
 - (d) mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;
 - (e) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335];
 - (f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;
 - (g) mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
 - (h) mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 [Akta 502];
 - (i) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262];
 - (j) mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668];
 - (k) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (j) mempunyai kawalan atau kepentingan; atau
 - (l) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta;
2. **“Pegawai badan awam”** ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang

menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu;

3. Seksyen 23(1), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa:

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

4. Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] menyatakan bahawa:

“**saudara**”, berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (h) menantu orang itu;

“**sekutu**”, berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau

yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau

- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika:
 - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;

PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM TRANSAKSI LEMBAGA

1. Seksyen 9, Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] menyatakan bahawa:

Pendedahan kepentingan dalam transaksi dengan Lembaga

(1) Mana-mana anggota Lembaga yang mempunyai atau memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya atau ejennya:

(a) apa-apa syer atau kepentingan:

- (i) dalam apa-apa kontrak yang dibuat dengan Lembaga;
- (ii) dalam apa-apa kerja yang dilakukan untuk Lembaga; atau
- (iii) dalam mana-mana syarikat atau firma yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat kontrak berkenaan dengan apa-apa pengusahaan; atau

(b) apa-apa kepentingan benefisial mengenai tanah yang dicadangkan hendak diperoleh, dibeli, dipajakan atau diuruskan selainnya oleh Lembaga, yang diketahuinya akan tersentuh atau mungkin akan tersentuh oleh mana-mana projek, skim atau perusahaan yang diluluskan atau dicadangkan hendak diluluskan oleh Lembaga,

Hendaklah mengisytiharkan jenis dan takat syer atau kepentingannya kepada Lembaga.

(2) Perisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang anggota di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat:

- (a) pada mesyuarat Lembaga yang apa-apa soal berhubungan dengan kontrak, pemerolehan, pembelian, pemajakan, urus niaga, projek atau skim yang disebut dalam subseksyen itu mula-mula dipertimbangkan;
- (b) jika anggota itu tidak mempunyai apa-apa syer atau kepentingan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) pada tarikh mesyuarat yang tersebut dalam perenggan itu, pada mesyuarat sedemikian yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperoleh syer atau kepentingan itu; atau
- (c) jika seseorang anggota memperoleh apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak dengan Lembaga selepas kontrak itu dibuat, pada mesyuarat yang pertama yang diadakan selepas anggota itu memperoleh syer atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, notis am yang diberikan kepada anggota lain oleh seseorang anggota yang bermaksud bahawa dia ialah pemegang syer atau pengarah mana-mana syarikat atau firma yang tertentu dan hendaklah dikira

mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak yang mungkin, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah disifatkan sebagai perisytiharan yang mencukupi tentang kepentingan berhubungan dengan apa-apa kontrak yang dibuat sedemikian.

- (4) Notis yang diberikan di bawah subseksyen (3) tidak mempunyai kuat kuasa melainkan jika diberikan pada mesyuarat Lembaga atau anggota yang berkenaan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya selepas notis itu diberikan.
- (5) Tiap-tiap perisytiharan yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat yang padanya perisytiharan itu dibuat atau dibaca.
- (6) Tiada seorang pun anggota Lembaga boleh mengundi atas apa-apa ketetapan atau soal yang berhubungan dengan apa-apa kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urus niaga, projek atau skim yang mengenainya dia mempunyai apa-apa syer atau kepentingan, sama ada atau tidak dia sudah mengisytiharkan syer atau kepentingannya, atau mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan (kecuali atas undangan Lembaga) atau keputusan yang berhubungan dengannya atau apa-apa perkara yang bersampingan dengannya dan jika dia berbuat demikian:
 - (a) undinya tidak boleh dikira; dan
 - (b) dia tidak boleh dikira dalam kuorum yang hadir pada mesyuarat bagi maksud ketetapan atau soal itu.